

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

28. Mengapa tindakan dalam menyelesaikan isu babi dan kera di DUN Sungai Dua lambat diambil tindakan oleh pihak Perhilitan?
- (a) Selain daripada perangkap dan operasi menembak, apakah kaedah lain yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu ini?
 - (b) Apakah terdapat sebarang ganti rugi boleh disediakan kepada penduduk oleh Kerajaan Negeri?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Berdasarkan rekod Jabatan PERHILITAN, semua aduan yang diterima melibatkan konflik antara manusia dan hidupan liar yang berlaku di Negeri Pulau Pinang termasuk KADUN Sungai Dua telah diambil tindakan dan diberi maklumbalas dalam tempoh 24 jam. Pihak PERHILITAN akan membuat siasatan bagi menentukan kaedah tindakan yang bersesuaian di lokasi aduan.

Antara tindakan yang diambil oleh PERHILITAN adalah dengan memasang perangkap dan kaedah pembasmian musuh tanaman menggunakan senjata api di lokasi gangguan. Kaedah pemasangan perangkap merupakan kaedah yang paling berkesan dan selamat dalam menangani masalah konflik manusia dan hidupan liar.

Namun begitu, oleh kerana bilangan aset perangkap adalah terhad, PERHILITAN memberi keutamaan pemasangan perangkap di kawasan yang mempunyai gangguan kekerapan tinggi dan kritikal di samping mengamalkan sistem penggiliran perangkap dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

- (a) Penggunaan perangkap adalah kaedah yang paling berkesan dan selamat berbanding kaedah memburu menggunakan senjata api di kawasan penempatan penduduk.

Antara kaedah lain yang diambil bagi mengatasi konflik antara manusia dan hidupan liar selain penggunaan perangkap dan operasi menembak adalah pelaksanaan program penglibatan komuniti seperti berikut:-

- (i) Menasihati orang ramai memastikan kawasan penempatan bersih serta menguruskan kaedah pelupusan sampah yang betul supaya tidak menjadi habitat mahupun lokasi mencari makanan bagi hidupan liar;
 - (ii) Menasihati orang ramai supaya tidak memberi makan atau melakukan sebarang bentuk *engagement* mahupun provokasi terhadap spesis hidupan liar; dan
 - (iii) Mengalu-alukan komuniti untuk bersama-sama membantu PERHILITAN dalam menangani masalah ini melalui perolehan perangkap komuniti bagi mengurangkan/menyyelesaikan masalah kacau ganggu hidupan liar kepada penduduk setempat.
- (b) Mangsa/waris serangan binatang buas yang berkelayakan boleh memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menerusi tabung khas yang dikenali sebagai Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas.